



**KENYATAAN MEDIA**

**28 DISEMBER 2022**

**Pelarasan Tarif Elektrik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan**

**bagi Tempoh 1 Januari 2023 Hingga 30 Jun 2023**

**PUTRAJAYA, 28 Disember** – Kerajaan pada 21 Disember 2022 telah bersetuju supaya pelarasan tarif elektrik di bawah pelaksanaan mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT), bagi pengguna di Sabah dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan untuk tempoh 1 Januari 2023 hingga 30 Jun 2023 adalah dilaksanakan secara bersasar seperti berikut:

- (i) Semua pengguna domestik (tarif DM) dan pengguna bukan domestik yang terdiri daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam kategori tarif komersial dan industri voltan rendah (tarif CM1 dan ID1) dikecualikan daripada surc妖 ICPT; dan
- (ii) Semua pengguna bukan domestik lain (selain daripada (i)) yang merangkumi kategori tarif voltan rendah, voltan sederhana dan voltan tinggi yang antaranya terdiri daripada komersial dan industri akan dikenakan surc妖 ICPT secara penuh pada kadar 10.04 sen/kWj.

Bagi tempoh semakan ICPT daripada 1 Julai hingga 31 Disember 2022, ST mendapati berlakunya peningkatan dalam kos bahan api dan kos penjanaan elektrik yang dianggarkan sebanyak RM292.05 juta atau bersamaan dengan surc妖 ICPT pada kadar 10.04 sen/kWj.

---

**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Peningkatan kos tersebut adalah rentetan daripada kenaikan kos bahan api diesel dan *medium fuel oil* (MFO) yang merupakan sebahagian daripada bahan api penjanaan elektrik di Sabah dan WP Labuan selain daripada gas asli. Kenaikan harga bahan api tersebut di pasaran dunia adalah berpunca antaranya daripada krisis tenaga global dan ia adalah di luar kawalan Kerajaan.

Bagi menampung kos penjanaan elektrik dan memastikan tiada kenaikan tarif berlaku, tiada surcaj ICPT akan dikenakan kepada pengguna domestik (tarif DM) dan pengguna bukan domestik di bawah kategori tarif CM1 dan ID1. Sebaliknya Kerajaan akan memperuntukkan subsidi sebanyak RM212.20 juta bagi tempoh 6 bulan tersebut. Dianggarkan 99% daripada keseluruhan pengguna elektrik di Sabah dan WP Labuan (lebih daripada 656 ribu pengguna) tidak akan terlibat dengan kenaikan tarif.

Kerajaan amat menggalakkan agar semua pengguna untuk mengamalkan penggunaan elektrik dengan bijak melalui penggunaan peralatan elektrik cekap tenaga. Terdapat pelbagai cara mudah yang boleh dilakukan untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, antaranya adalah:

- (i) Melaksanakan audit penggunaan tenaga dengan cara memantau dan menganalisa penggunaan tenaga elektrik serta mengenal pasti peralatan, proses dan sistem yang boleh ditambah baik;
- (ii) Membeli peralatan elektrik yang mempunyai penarafan 5-Bintang yang memberikan lebih banyak penjimatan tenaga elektrik;
- (iii) Memastikan suis ditutup apabila tidak digunakan bagi mengelakkan pembaziran tenaga elektrik; dan
- (iv) Menggunakan peralatan elektrik dengan lebih efisien, contohnya menetapkan suhu penyaman udara pada 24°C – 26°C dan melaksanakan penyelenggaraan terhadap peralatan elektrik secara berkala.

---

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Secara tidak langsung, pengguna akan turut berperanan menyumbang kepada pengurangan jejak karbon negara selaras dengan Dasar Tenaga Negara 2022-2040.

**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Azlina Mohammad Jais/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar, Suruhanjaya Tenaga*

*Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)*

*Emel: azlinamj@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.